

Orang asal tidak hormat k'jaan yang tidak hormati mereka

Free Malaysia Today

19 March 2014

Oleh Ikhwan Zulkaflee

KUALA LUMPUR: Jaringan Orang Asal Se-Malaysia (Joas) mahukan penyelesaian segera dari kerajaan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka terutamanya dari segi pencerobohan tanah adat milik orang asal.

Menurut Penyelaras Joas Semenanjung Malaysia Yusri Ahon, pihaknya enggan menerima alasan diberikan Putrajaya bagi menolak enam syor berkaitan hak-hak orang asal yang dibentangkan dalam kitaran kedua Penilaian Penggalan Sejangat (UPR) Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva.

Jelas Yusri, penolakan syor-syor tersebut mengejutkan pihak mereka kerana Joas telah menerima maklum balas positif dari Kementerian Luar Negeri hasil dari perbincangan di Kuala Lumpur dan di Geneva.

“Kerajaan berkata pasukan petugas untuk mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Suhakam mengenai hak tanah orang asal telah ditubuhkan untuk menentukan butir-butir dalam syor-syor yang dikemukakan yang boleh dilaksanakan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang selain dari perkara yang lain,” kata Yusri dalam satu sidang media di sini hari ini.

Menurutnya lagi, sebagai salah satu ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Malaysia tidak patut mengelakkan diri daripada tanggungjawab antarabangsa dan kewajipan fidusiarinya untuk melindungi hak-hak orang asal yang selari dengan prinsip-prinsip perundangan antarabangsa dan juga keputusan mahkamah-mahkamah sivil negara kita.

Enam syor yang ditolak oleh Putrajaya ialah:

1. Kebenaran lawatan ke Malaysia oleh Pelapor Khas PBB mengenai hak-hak orang asal
2. Memastikan undang-undang berhubung orang asal dan pelaksanaannya mematuhi Deklarasi PBB tentang hak-hak orang asal
3. Memastikan hak-hak orang asal dan orang tempatan yang bergantung kepada hutan terjamin dalam undang-undang dan dalam pelaksanaan, khususnya hak-hak yang berkenaan dengan tanah, wilayah dan sumber-sumber tradisi/adat.
4. Cadangan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Kebangsaan Orang Asal yang bebas dan memastikan undang-undang, dasar dan pelaksanaannya adalah selari dengan Deklarasi PBB tentang hak-hak orang asal
5. Menubuhkan sebuah badan bebas untuk menyiasat pertikaian terhadap tanah, wilayah dan

sumber

6. Mengambil langkah-langkah untuk menangani isu-isu yang diketengahkan dalam Inkuiri Nasional mengenai hak tanah orang asli/asal, dengan penglibatan yang berkesan dan sepenuhnya daripada orang asal.

Tambah Yusri, pihaknya masih belum menerima sebarang maklum balas dari pasukan petugas yang dicipta untuk mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Suhakam tersebut.

“Sepatutnya laporan itu dibentangkan pada bulan ini tapi sehingga hari ini kita tidak diberitahu apa-apa,” kata beliau yang menambah pasukan petugas ini hanya ditubuhkan kerana Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA) gagal menjalankan tugas mereka.

Sementara itu, wakil Joas Negeri Sembilan Asmidar Vira berkata keputusan kerajaan untuk menolak syor tersebut tidak mengejutkan dirinya.

“Penolakan syor-syor tersebut menunjukkan mereka tidak menghormati orang asal namun ianya tidak mengejutkan kerana terdapat juga syarikat-syarikat Malaysia di luar negara yang mengambil tanah orang asal disana dengan harga yang murah.

“Sekiranya mereka menerima syor-syor ini, ianya seperti menampar pipi mereka sendiri kerana mereka juga melakukan perkara yang sama di luar negara,” tegasnya yang turut menambah kerajaan tidak perlu menentukan cara hidup orang asal yang diwarisi turun-temurun.

Sementara itu, Penyelaras Joas Pahang Shafie Dris berkata tindakan kerajaan yang enggan mengiktiraf dan menghormati orang asal di negara sendiri menyebabkan mereka menjadi mangsa ‘buli’.

“Tanah kami dengan mudah diambil kerana ia tidak diwartakan malah kami dipukul oleh warga asing dalam kes perebutan tanah seperti yang berlaku di Kelantan,” katanya yang merayu supaya orang asal tidak ‘dibuli’ lagi.

Malah, menurut Syafie, JakoA bukanlah membantu orang asal, sebaliknya merupakan musuh mereka.

Kenyataan Shafie itu disokong oleh Yusri yang berkata kerajaan mengawal orang asal dengan mengenakan aku janji kepada Tok Batin mereka.

“Tok Batin ini dipilih oleh orang asal namun apabila dia mahu dilantik, JakoA akan memberikan akujanji kepada Tok Batin ini untuk mendengar cakap mereka. Jika mereka ingkar, jawatan mereka boleh dilucutkan.

“Namun, jika Tok Batin ini tidak menuruti adat orang asal, dia boleh dilucutkan jawatan juga oleh kami. Contohnya di kampung saya, kami sudah bersepakat untuk melucutkan jawatan Tok Batin kami dan telah menghantar surat kepada JakoA namun tiada sebarang jawapan yang kami terima,” terang Yusri.

Menurut Yusri, orang asal bukan menolak kepada pembangunan, namun biarlah ianya tidak membelakangi adat mereka.

“Kami hanya menuntut tanah kami, bukan tanah orang lain. Kami pun mahukan rumah batu tapi janganlah membelakangi adat kami.

“Kami tidak malu jika dikatakan tiada agama, tapi kami malu jika dikatakan tiada adat,” katanya lagi sambil menambah orang asal tidak akan menghormati kerajaan yang tidak menghormati mereka.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/19/orang-asal-tidak-hormat-kjaan-yang-tidak-hormati-mereka/>